

A portrait of Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, an elderly woman with short dark hair, wearing glasses and a light blue patterned blouse. She is smiling slightly and looking towards the camera. The background features a framed painting of a white orchid and green leaves on the left, and a wooden panel on the right.

JEJAK SEORANG PEMIMPIN

Sejarah Lisan
Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali



JEJAK SEORANG PEMIMPIN





JEJAK SEORANG PEMIMPIN

Sejarah Lisan
Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali



Diterbitkan oleh
MPH Group Publishing Sdn Bhd
Lot 1, 1st Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
emel: mphpublishing@mph.com.my

Diedarkan oleh
MPH Distributors Sdn Bhd
Ground Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
emel: distributors@mph.com.my

MPH Distributors (S) Pte Ltd
No. 12 Tagore Drive, Habitat Warehouse, Singapore 787621
emel: sales@mph.com.sg

Hak cipta © 2014 Yayasan Kepimpinan Perdana
Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada pemegang hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

JEJAK SEORANG PEMIMPIN : Sejarah Lisan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali

ISBN 978-967-415-249-9

ISBN 978-967-415-242-0 (pbk.)

1. Siti Hasmah Mohd Ali, Tun, 1926-.
 2. Oral history.
 3. Prime ministers' spouses—Malaysia.
 4. Physicians—Malaysia.
- 907.2

Dicetak oleh
MPH Group Printing (M) Sdn Bhd
No. 31 Jalan 2/148A
Taman Sungei Besi Industrial Park
57100 Kuala Lumpur, Malaysia

KANDUNGAN

Prakata	viii
Pengenalan	xiii
Pewawancara	xv
1. Latar Belakang Diri dan Keluarga	1
2. Teman Istimewa	32
3. Latar Belakang Pendidikan	48
4. Berkenalan dengan Mahathir	58
5. Kerjaya	65
6. Perkahwinan	69
7. Anak-anak (Anak Angkat)	94
8. Klinik Maha	104
9. Kerjaya (Mengubah Minda Masyarakat)	107
10. Wanita di Sisi Suami	118
11. BAKTI	
(Badan Amal Kebajikan dan Tenaga Isteri-isteri)	127

12. Sumbangan Wanita Pertama di Dalam Negara	131
13. Pembangunan Wanita	139
14. Wanita Pertama	142
15. Peranan di Peringkat Antarabangsa	149
16. Persaraan	157
17. Nasihat untuk Wanita	164
18. Harapan pada Generasi Masa Depan	167
19. Yayasan Kepimpinan Perdana: “Menyingkap Sejarah Demi Masa Depan”	171
20. Institut Pemikiran Dr Mahathir Mohamad (UUM)	176

PRAKATA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PRAKATA

Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob

Pengarah Eksekutif

Yayasan Kepimpinan Perdana

Pepatah ada menyatakan, di belakang seorang lelaki yang berjaya, terdapat seorang wanita. Kata-kata ini memang tepat sekali dalam gandingan perkongsian hidup antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Walaupun beliau kelihatan menyokong Tun Dr Mahathir secara senyap tetapi beliau sebenarnya adalah merupakan seorang penyokong setia dan tegar kepada suami beliau. Kehadiran Tun Dr Siti Hasmah dalam keadaan tenang telah memperteguh dan melengkapinya kepemimpinan Tun Dr Mahathir.

Beliau sendiri adalah seorang doktor perubatan – malah beliau sebenarnya adalah salah seorang doktor wanita Melayu yang terawal yang lahir di ambang kemerdekaan. Tun Dr Siti Hasmah juga telah mencapai kejayaan tersendiri dengan mencipta namanya melalui pengalaman-pengalaman luas sebagai pegawai perubatan kerajaan semasa era negara mula ditubuhkan. Dedikasi dalam pekerjaannya untuk memperbaiki kesihatan awam, terutama sekali kesihatan ibu-ibu, telah menyumbang kepada usaha-usaha kerajaan pada ketika itu untuk memodenkan kepercayaan

dan amalan rakyat terhadap kesihatan dan kebersihan. Beliau menghadapi lebih banyak tugas yang mencabar berbanding dengan kita semua yang hidup di zaman yang menghargai hospital-hospital swasta dan doktor-doktor pakar, kerana pada masa itu, bomoh dan bidan-bidan kampung yang tidak berpelajaran lebih dipercayai. Beliau kekal sebagai pegawai perubatan sehinggalah penghujung 1979, apabila beliau perlu lebih banyak melibatkan diri di dalam tanggungjawab sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri.

Cerita-cerita yang dikongsi oleh Tun Dr Siti Hasmah dalam buku ini mengingatkan kita kepada betapa Malaysia telah meningkat maju sebagai sebuah negara. Beliau turut berkongsi cerita-cerita yang lain, termasuklah mengenai pertemuan pertamanya dengan Tun Dr Mahathir, semasa mereka bercinta, serta keluarga dan kehidupannya sebagai isteri kepada Perdana Menteri Malaysia. Tun Dr Siti Hasmah sentiasa menyerlahkan keyakinan beliau dengan penuh kemesraan dan lemah lembut dan kualiti ini beserta dengan deria lucunya menyinar di sepanjang wawancara ini.

Sejarah lisan dengan Tun Dr Siti Hasmah ini dikendalikan dalam tiga sesi dengan setiap sesi berlangsung selama dua jam, dan hasilnya kita telah mendapat banyak gambar dan cebisan kisah-kisah lama tentang kehidupan silam di Malaysia dan dengan secara tidak langsung kita dapat mengimbas corak kehidupan bekas Wanita Pertama Negara.

Inisiatif sejarah lisan ini adalah hasil kolaborasi tiga pihak, iaitu Yayasan Kepimpinan Perdana, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Arkib Negara Malaysia. Wawancaranya telah dilaksanakan di antara tahun 2008 dan 2010.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada UUM dan Arkib Negara Malaysia kerana sudi menjadi rakan kongsi kami dalam usaha yang amat penting ini. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada MPH Group Publishing kerana bersetuju menerbitkan buku ini. Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada Tun Dr Siti Hasmah sendiri yang telah sudi meluangkan begitu banyak masa untuk wawancara ini dan juga kerana bersetuju membenarkan kami menggunakan transkrip ini untuk diterbitkan.

Jilid-jilid transkrip ini adalah merupakan bahan rujukan penting untuk ahli-ahli sejarah dan masyarakat secara umumnya.

PENGENALA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PENGENALAN

Yayasan Kepimpinan Perdana memulakan inisiatif perakaman Sejarah Lisan individu-individu yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sejarah Negara pada tahun 2006. Program Sejarah Lisan ini bermula dengan Perdana Menteri Malaysia yang keempat yang juga merupakan Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr Mahathir Mohamad. Sebanyak empat sesi wawancara telah diadakan bersama Tun Dr Mahathir Mohamad pada: 16, 19 dan 30 Oktober 2006, dan 19 Mac 2007.

Program Sejarah Lisan Yayasan Kepimpinan Perdana ini dijalankan bersama Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir, IPDM, Universiti Utara Malaysia. Ahli-ahli wawancara ini terdiri daripada: Professor Dr Mustapa Kassim (bekas Pengarah IPDM), Professor Dr Abdul Rahman Abdul Aziz (Pengarah IPDM) dan Dr R. Sivapregasam P. Rajanthiran (ahli sarjana Yayasan Kepimpinan Perdana dan bekas Timbalan Pengarah, IPDM, Universiti Utara Malaysia).

Program Sejarah Lisan Yayasan Kepimpinan Perdana dengan kerjasama IPDM telah diteruskan dengan wawancara bersama: Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali, Tun Abdullah Ayub, Tan Sri Hashim Aman, Tan Sri Dato' Paduka Salehuddin bin Mohamed, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Tan Sri Abdul Halim bin Ali, dan Tan Sri Samsudin bin Osman.